

Tragedi banjir di Baling

# Syarikat teroka Gunung Inas disyaki tiada laporan EIA



# Kerajaan negeri tak pasti bagaimana projek Musang King dapat kebenaran

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Kulim:** Syarikat yang meneroka dan membangunkan puncak Gunung Inas, Baling, berkemungkinan tidak membuat Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) sebelum melaksanakan ratusan hektar projek tanaman durian Musang King.

Mendedahkan perkara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata kelulusan EIA adalah ketat termasuk tidak membenarkan sama sekali projek pembangunan dilaksanakan di paras ketinggian lebih 300 meter dari aras laut.

Sehubungan itu, jelasnya, kerajaan negeri masih tidak pasti bagaimana projek terbabit mendapat kebenaran menyebabkan beliau mengarahkan agar ia diberhentikan segera pada Julai 2020.

Ladang durian di sekitar Gunung Inas menarik perhatian ramai sejak kejadian banjir lumpur dan kepala air yang melanda beberapa kampung di Kupang, Baling, Isnin lalu yang didakwa penduduk sebagai antara punca tragedi.

“Saya rasa setiap ladang hutan

sepatutnya ada (laporan) EIA, macam mana EIA boleh lepas? Dulu ada ketetapan dalam undang-undang bahawa mana-mana tanah yang lebih 1,000 kaki (304 meter) pokok tidak boleh tebang atau sentuh,” soal Muhammad Sanusi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Meletak Batu Asas Pembinaan Kilang Infineon Technologies di sini, semalam, beliau turut terkejut kerana sendiri melihat tiada pokok balak di puncak gunung berkenaan ketika membuat tinjauan dari udara, kelmarin.

“Lawatan saya semalam (kelmarin) sehingga sampai ke puncak, tiada pokok balak...yang ada pokok biasa. Penerokaan itu berlaku sampai ke atas, perkara ini perlu dijelaskan jabatan terbabit.

“Saya tidak tahu (bagaimana kelulusan) diberi pada ladang hutan, patut kena ada EIA. Macam-macam syarat ditetapkan dalam kelulusan itu sepatutnya,” katanya.

Kejadian banjir lumpur dan kepala air di Baling kira-kira jam 4 petang Isnin lalu mengorbankan tiga nyawa, termasuk seorang ibu hamil empat bulan, manakala lebih 1,400 penduduk di 12 kampung terjejas, selain 15 rumah musnah dihanyutkan arus deras.

Semalam, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pakar alam sekitar menggesa kerajaan Kedah menubuhkan suruhanjaya siasatan awam dan menjalankan siasatan teknikal bagi mengenal pasti punca kejadian.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meenakshi Raman berkata, siasatan sedemikian di-

perlukan bagi memastikan punca sebenar apa yang berlaku di Kedah, termasuk membantu mengenal pasti langkah serta jurang yang perlu ditangani dengan segera.

Pengarah Global Environment Centre, Faizal Parish pula meminta kerajaan melihat kepada kepatuhan Perintah Kualiti Alam Sekeliling dan EIA yang ditetapkan seperti terkandung dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi memaklumkan, kerajaan negeri pada 2007 memberi kelulusan kepada Aman Mega Sdn Bhd bagi membangunkan tanaman getah, namun syarikat terbabit gagal meneruskan projek berkenaan pada 2008.

“Ketika itu, Ustaz Azizan (bekas Menteri Besar, Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak) berpendirian syarikat terbabit tidak berhak ke atas kayu balak yang ditebang, maka menyebabkan dia (Aman Mega) lari sebelum Kedah Agro sempat tanam getah seluas 161 hektar.

“Pada 2013, kerajaan negeri berubah lagi dan tanaman getah dihentikan dan pemilikan tanah bertukar-tukar dengan syarat ia dibangunkan secara usaha sama bersama Menteri Besar Incorporated (MBI) Kedah yang mendapat bayaran tertentu.

“Jadi, kita perlu periksa terlebih dahulu nama syarikat terkini yang memiliki tanah dan membuat ladang durian Musang King kerana ini benda lama dan berubah-ubah,” katanya.

Mengenai cadangan agar kerajaan negeri menubuhkan suruhanjaya siasatan bencana ke-



Keadaan Gunung Inas ketika tinjauan dari udara oleh Unit PGU PDRM.

pala air Gunung Inas, beliau berpendapat ia tidak perlu dibuat kerana agensi dan jabatan berkaitan sedang menyediakan laporan mereka.

“Kita ada agensi dan jabatan yang buat laporan kejadian, kena tunggu laporan dahulu.

“Contoh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah kemuka laporan taburan hujan sangat tinggi, tetapi perkara teknikal ini orang ramai tidak faham.

“Ini menyebabkan timbul banyak andaian dan spekulasi sehingga mengaitkan perkara ini kepada isu politik. Kejadian ini sebenarnya adalah isu alam sekitar, pengurusan dan kelulsuan yang tidak ambil kira keselamatan,” katanya.

Terdahulu, dalam satu kenyataan, Muhammad Sanusi berkata, sumber air terkumpul terlalu banyak di Gunung Inas sebelum mengalir laju melalui puluhan cerun dan ke Sungai Kupang, dipercayai menjadi punca bencana banjir serta kepala air, Isnin lalu.

Beliau berkata, hasil tinjauan udara beliau bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) kelmarin, mendapati tiada pecahan takungan air berlaku sebagaimana yang didakwa sebagai penyebab fenomena kepala air berkenaan.

“Buat masa ini, itu merupakan kesimpulan yang boleh diberi hasil tinjauan melalui udara di kawasan aliran air di Gunung Inas hingga ke kawasan tanaman Musang King yang dikatakan menjadi punca kejadian berkenaan.

“Hasil pemerhatian mata kasar dari udara, saya dapati air terkumpul begitu banyak dalam satu masa dan ada berpuluh-puluh lorong terbentuk di Gunung Inas yang mengalir ke bawah di sudut cerun yang sangat curam serta menyebabkan air bergerak begitu laju di Lata Celak dalam tempoh serentak,” katanya.

Muhammad Sanusi berkata, beliau turut meninjau kawasan bencana dan melihat secara menyeluruh laluan aliran air yang berpunca dari Gunung Inas hingga ke kawasan bencana dan Pekan Kupang.

Katanya, takungan dibina di kawasan tanaman Musang King dilihat masih ada, dan takungan tempat pengumpulan air untuk dipam masuk ke kolam berkenaan juga masih wujud di sana.

“Tiada pecahan, rekahan atau jatuhnya tebing berlaku. Menariknya juga, sepanjang aliran air itu, pokok-pokok besar masih ada, iaitu pokok yang tidak di tebang ketika kawasan ini dicekahkan untuk dibangunkan ladang hutan.

“Justeru, kesimpulan pada masa ini sebelum mendapat laporan daripada jabatan teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), ialah aliran air bergerak begitu laju di cerun curam daripada sumber air terlalu banyak dan bercantum menjadi satu di aliran Lata Celak yang mengalir di Sungai Kupang,” katanya.